

PERSIDANGAN MEJA BULAT PERKASA
19 Mei 2017
PINDAAN AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN
PERERAIAN) 1976

PERUTUSAN KHAS
Oleh
Tuan Abdul Hamid Mohamad

YBhg Dato' Ibrahim Ali, Presiden Perkasa, Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Profesor-profesor, wakil-wakil NGO, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya berterima kasih kepada Perkasa kerana mengadakan Persidangan Meja Bulat ini. Ini kali ketiga Perkasa berbuat demikian dalam keadaan keuzuran saya yang menyebabkan saya tidak dapat hadir, tetapi dapat juga menyampaikan buah fikiran saya.

Saya sudah tidak boleh berdiri lagi. Jari-jari saya juga kebas menyebabkan saya tidak boleh menulis lagi. Tetapi, Alhamdulillah, sambil terlentang pun saya masih boleh menaip dengan menggunakan mini Ipad.

Jadi, dalam kata-kata lain, saya masih boleh menulis. Kesemuanya, termasuk yang terkini, dinaikmuatkan ke laman web saya. Ada yang disiarkan dalam akhbar. Tetapi, usaha saya terhenti setakat itu.

Dengan kehendak Allah s.w.t., mulai dari situ Perkasa memainkan peranannya. Perkasa adalah aktivis. Ia mempunyai kemampuan dan kepakaran untuk menyampaikan idea-idea saya itu kepada orang awam dan pihak-pihak berkenaan. Maka, bertemulah pengeluar dengan pemasar, pemikir dengan aktivis.

Hari ini Perkasa mengadakan persidangan meja bulat mengenai cadangan pindaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).

Akta itu dibuat dalam tahun 1976, tetapi mula berkuatkuasa ke seluruh Malaysia dalam tahun 1982. Ia tidak terpakai kepada orang Islam. Sebab itu, dahulu orang Islam tidak mengambil kisah mengenainya. Ia telah.

Sekarang terdapat cadangan untuk memindanya. Dua daripadanya adalah cadangan saya sendiri. Ia adalah cadangan pindaan kepada seksyen 51 yang saya buat dalam tahun 1992 dan cadangan pindaan kepada seksyen 95 yang saya buat dalam tahun 2004. Tidaklah perlu saya membincangkannya di sini. Saya telah menulis satu rencana bertajuk "*Proposed Amendments of Act 164: A Personal Touch*" yang disiarkan oleh New Straits Times pada 18 April 2017. Ia juga boleh dibaca dalam laman web saya.

Apa yang kita perlu beri perhatian sekarang ialah cadangan untuk memasukkan seksyen 88A. Nampaknya pindaan ini disokong kuat oleh Hindraf. Mungkin mereka dan NGO-NGO yang sehaluan dengan mereka yang mencadangkannya. Sedihnya, Jabatan Peguam Negara, termasuk Bagahian Syariahnya yang semestinya telah

dirujuk apabila cadangan itu dibawa ke Kabinet, telah terlepas pandang atau tidak nampak kesannya.

Mujurlah, ada seorang yang bangun menentangnya atas alasan ia bercanggah dengan syari'ah. Saya mengucap takniah kepada beliau. Beliau adalah YBhg Tan Sri Harussani, Mufti Perak. Akibat penentangnya, Rang Undang-Undang (RUU) itu ditangguh. Ia memberi peluang kepada saya untuk mendapatkan RUU itu, mengkajinya dan menulis satu rencana dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dengan Tajuk "Amendments of Act 164: Section 88A is Unconstitutional" dan "Pindaan Akta 164: Seksyen 88A Tak Sah". Rencana dalam Bahasa Inggeris disiarkan oleh The New Straits Times pada 23 April 2017. Malangnya akhbar-akhbar Melayu tidak menyiarkannya. Saya tidak tahu sama ada mereka fikir ia tidak penting atau takut ia "mempunyai unsur-unsur sensitif"?

Mengapa kita mesti menentangnya? Jawabnya, ia sangat merugikan orang Islam. Pertama, peruntukan itu menghendaki kanak-kanak daripada perkahwinan itu kekal dalam agama ibu-bapanya sebelum salah seorang daripadanya memeluk agama Isla, jika mereka memeluk agama yang sama, atau agama salah seorang daripada mereka jika mereka memeluk agama yang berlainan. Kesannya ialah bahawa kanak-kanak itu dilarang daripada memeluk agama Islam, walaupun ibu atau bapanya telah memeluk agama Islam.

Kedua, dalam menimbangkan kepada siapa hak penjagaan kanak-kanak daripada perkahwinan itu hendak diberi, faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah ialah kebajikan kanak-kanak itu, kehendaknya dan kehendak ibu-bapanya.

Oleh sebab peruntukan itu menetapkan bahawa kanak-kanak itu mesti kekal dalam agama bukan Islam, adalah agak mustahil bagi pihak yang memeluk agama Islam untuk mendapat hak penjagaan kanak-kanak itu. Mereka boleh menghujahkan dengan kuat, jika jagaan kanak-kanak itu diberi kepada pihak yang memeluk agama Islam, kanak-kanak itu akan dipengaruhi untuk memeluk agama Islam, manakala undang-undang tidak membenarkan kanak-kanak memeluk agama Islam. Mahkamah tidak mempunyai pilihan melainkan memberikan hak penjagaan kanak-kanak itu kepada pihak yang tidak menukar agama.

Maka saya berikan dua alasan mengapa saya mengatakan bahawa seksyen 88A bercanggah dengan Perlembagaan dan tak sah:

1. Seksyen 88A melarang kanak-kanak itu daripada menganut agama Islam. Ini melanggar peruntukan dengan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan.
2. Kesan seksyen 88A ialah menafikan pihak yang menukar memeluk agama Islam daripada mendapat hak penjagaan kanak-kanak itu hanya atas alasan agama. Ini melanggar peruntukan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

Saya kemukakan alasan-alasan ini kerana, jika kita hanya berkata bahawa peruntukan itu berlawanan dengan syari'ah, mereka boleh berkata, mengapa mesti mengikut syari'ah sedang kanak-kanak itu adalah hasil perkahwinan orang bukan Islam?

Tetapi, jika kita kemukakan hujah ia bercanggah dengan Perlembagaan, Kerajaan akan terpaksa mendapat nasihat undang-undang semula daripada Peguam Negara. Peguam Negara ia menimbang hujah-hujah mengapa kita berkata demikian. Parlimen juga tidak akan membuat satu undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan. Oleh itu, Parliament juga akan terpaksa menimbang semula isu itu.

Saya tidak berkata kita boleh lupakan isu syari'ah. Isu syari'ah diteruskan juga, untuk mempengaruhi semua pihak yang beragama Islam. Tetapi, alasan yang saya beri ini terkena kepada semua.

Katakanlah Kerajaan meneruskan juga dengan rancangannya untuk menjadikan seksyen itu sebahagian daripada undang-undang, saya telah menyediakan satu pasukan peguam-puguam Muslim untuk memulakan ke di Mahkamah untuk mendapatkan penghakiman Mahkamah Persekutuan sama ada peruntukan itu sah mengikut Perlembagaan atau tidak atas alasan yang saya kemukakan itu.

Apakah peranan tuan-tuan di peringkat ini. Tuan-tuan perlu menimbang sama ada tuan-tuan bersetuju atau tidak seksyen ini merugikan orang Islam, atas alasan-alasan yang saya beri dan atas alasan ia bercanggah dengan syari'ah yang diberikan oleh Tan Sri Harussani itu. Jika tuan-tuan berseruju, maka kita mesti menentangnya dengan apa cara yang tuan-tuan fikir sesuai, untuk mempengaruhi Kerajaan supaya menarik balik seksyen itu. PAS juga hendaklah menyatakan pendiriannya. Saya percaya, pada waktu ini, dalam isu ini, penentangan daripada PAS akan diambil kita oleh UMNO.

Bagi pihak diri saya, saya telah pun menyampaikan rencana saya mengenai isu ini, yang disiarkan oleh New Straits Times dan naskah Bahasa Melayunya kepada YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri, YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, Presiden PAS. Saya juga telah meminta kawan-kawan untuk menyebarkan rencana itu seluas-luasnya untuk mendapat sokongan umat Islam di Malaysia.

Kita bukan hendak bergaduh dengan orang bukan Islam. Tetapi, kita mesti pertahankan kepentingan orang Islam daripada terhakis, apatah lagi apabila Hindraf menjadikannya satu perjuangan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya telah melakukan setakat yang terdaya oleh saya. Terserahlah kepada kebijaksanaan tuan-tuan dan puan-puan untuk meneruskannya.

Terima kasih.

tunabdulhamid@gmail.com
<http://www.tunabdulhamid.my>
<https://tunabdulhamid.me>